

17 FEB 2001

PERMAISURI AGONG LAWAT PAMERAN SURAT NIKAH PARSI

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah hari ini melawat pameran "Kemurnian Seni Perkahwinan - Surat-surat Nikah Parsi Dinasti Qajar" yang diadakan di Muzium Kesenian Islam di sini.

Ketibaan Seri Paduka disambut oleh kurator muzium Dr Mandana Bakeshli dan para pegawai muzium.

Tuanku Siti Aishah menghabiskan masa selama tiga jam meneliti bahan-bahan yang menampilkan hampir 80 surat nikah yang diilustrasikan dengan cantik.

Pameran itu khusus diadakan untuk muzium berkenaan dan Pertubuhan Arkib Negara Iran (INAO) oleh Dr Mandana.

Pameran itu merupakan pertama kali surat-surat nikah berkenaan ditunjukkan kepada umum menjadikan Malaysia destinasi pameran pertamanya di dunia. Ia termasuk lafaz nikah, butiran barang hantaran dan surah-surah Al Quran.

Pameran itu, yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 12 Dis lepas, akan berakhir 31 Mac ini.

Muzium itu terletak di Jalan Lembah Perdana berjiran dengan Masjid Negara dan Pusat Islam. Ia dibuka kepada umum daripada pukul 10 pagi hingga 6 petang setiap Selasa hingga Ahad.

-- BERNAMA
FSM AZZ RON